

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. MICHAEL TEO YU KENG [MIRI]

SOALAN NO. 271

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status pembinaan SMK Tudan di Miri dan bilakah sekolah tersebut dijadualkan siap untuk beroperasi.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek Pembinaan SMK Tudan di Miri, Sarawak telah diluluskan dalam *Rolling Plan 4* RMKe-10 dengan kos projek berjumlah RM56.88 juta. Skop projek ini merangkumi pembinaan sekolah baharu 36 bilik darjah dan lain-lain kemudahan. Projek ini masih di dalam pelaksanaan dengan prestasi kemajuan fizikal 83.57 peratus sehingga 5 Julai 2019. Berdasarkan komitmen yang telah diberikan oleh kontraktor yang dilantik, projek ini dijadualkan siap pada 25 Oktober 2019.